

19/03/1998

Kegawatan tidak jejas pelaburan Microsoft

KUALA LUMPUR, Rabu - Masalah ekonomi yang melanda negara tidak akan memberi kesan mendalam terhadap pelaburan Microsoft Corporation dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) kerana syarikat itu mempunyai latar belakang yang kukuh dari segi jumlah pekerja dan teknologi yang ada.

Pengerusi dan Ketua Eksekutifnya, Bill Gates, berkata Microsoft yang terbabit secara langsung dalam pembangunan MSC akan terus memberi sokongan dalam usaha membangunkan kemudahan dan infrastruktur diperlukan.

Menurutnya, sebagai sebuah syarikat yang memberi tumpuan dalam perisian memacu sistem komputer, pihaknya akan berusaha membantu memindahkan kelengkapan, teknologi dan kemahiran kepada syarikat tempatan berdasarkan modul dan persefahaman yang dicapai.

"Saya berasa Malaysia mampu menjadi peneraju dalam kemahiran IT kerana komitmen yang ditunjukkan kerajaan dalam menerima kemasukan teknologi yang akan memberi perubahan besar kepada setiap orang," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan selama hampir sejam dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Kementerian Kewangan, hari ini.

Beliau yang berada di negara ini untuk lawatan sehari, sebelum itu memberi taklimat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dan anggota Kabinet mengenai konsep kerajaan elektronik yang akan dibangunkan.

Projek kerajaan elektronik adalah satu daripada tujuh aplikasi teras MSC yang akan dilaksanakan di Putrajaya, pusat pentadbiran baru persekutuan di luar Kuala Lumpur.

Gates yang sebelum itu menyampaikan ucapan pada satu persidangan anjuran Microsoft berkata, penggunaan teknologi maklumat secara meluas oleh rakyat negara ini akan menjayakan lagi projek MSC kerana IT perlu diperluaskan, terutamanya dalam bidang pendidikan.

Menurutnya, perkara yang utama yang sedang dijalankan ialah memaju dan meningkatkan sistem pendidikan peringkat sekolah berasaskan teknologi maklumat.

(END)